

Hari ini ada yang yakin bahawa dia tidak akan terkena covid walaupun dia tidak pakai mask. Ada yang yakin dia kebal dan tak lut walaupun ditetak. Ini dipanggil gila pada keyakinan. Inilah keyakinan yang dipegang oleh Franz Reichelt.



AERO CLUB PERANCIS

Apabila Aero Club Perancis menawarkan 10 ribu Franc bagi siapa yang mampu untuk membuat payung terjun yang boleh menyelamatkan juruterbang jika ada kecelakaan. Reichelt pun membuat satu rekaan baju tebal yang menutupi seluruh badan dan memiliki perlindungan tengkuk.

BAJU PARASUT

Berat baju itu 20 pound dan memiliki luas permukaan sekitar 340 kaki persegi. Reichelt telah membuat beberapa kali terjunan dari tingkat lima apartment dengan menggunakan baju itu. Tetapi percubaan itu gagal. Walaupun percubaannya gagal berkali-kali dia tetap mengemukakan permohonan dari Jabatan Polis Paris untuk terjun dari Eiffel Tower bagi mencuba baju paracutnya itu.

TERJUNAN DARI EIFFEL TOWER

Setelah mendapat kebenaran, dia telah mewar-warkan kepada wartawan dan orang ramai bahawa dia akan membuat terjunan dari Eiffel Tower pada pukul 8 pagi pada 4 Februari 1912. Semasa hari kejadian, Reichelt telah siap mengenakan pakaian terjunnya. Para penonton pun sudah ramai berkumpul di Menara Eiffel.

Teloh disetkan dua kamera untuk merakamkan moment itu. Satu dari atas dan satu lagi di bawah.

TERJUNAN REICHELT SENDIRI

Orang ramai jadi terkejut kerana ini bukan percubaan menggunakan boneka patung. Tetapi adalah lompatan yang akan dilakukan sendiri oleh Reichelt. Akibatnya pengawal tidak membenarkan terjunan itu dilakukan kerana bahaya. Orang ramai dan wartawan juga menasihatinya supaya jangan meneruskan terjunan itu. Tetapi Reichelt tetap berkeras mahu mencubanya juga. Dia yakin dia akan selamat.

MEYAKINKAN SEMUA ORANG

Setelah dia meyakinkan semua orang, Reichelt pun naik ke tangga dan berhenti di tengah tangga dengan membuat ucapan kepada penonton dengan A bientot! (Jumpa lagi). Dia kemudian terus naik ke dek pertama menara. Ketika kamera merakam dan orang ramai berteriak kepadanya untuk berhenti, dia terus yakin dan naik di atas kerusi yang diletakkan di atas meja berdekatan dengan pagar. Pada masa itu dia nampak sedikit ragu.



KEGAGALAN REICHELT

Orang ramai masih berteriak di bawah suruh dia fikirkan semula apa yang dilakukannya. Reichelt terus menguatkan dirinya, dan pada pukul 8:22 pagi, dia pun melompat. Baju Reichelt langsung tak membantunya menahan hentakan. Dia terus jatuh dari ketinggian 200 kaki. Berlaku hentakan yang membentuk lubang sebesar enam inci. Tulang belakang dan tengkoraknya hancur.

PENGAJARAN



Yakin sahaja tidak cukup untuk berjaya



Ujian tanpa persediaan yang lengkap pasti akan gagal

قَالَ سَأُوِي إِلَىٰ جَبَلٍ يَعْصِمُنِي مِنَ الْمَاءِ

“Aku akan pergi ke sebuah gunung yang dapat menyelamatkan aku.”

(Hud : 43)